

CNS1616

R GB 14-09 00162 BA109

aab

(Embargo: Untuk siaran selepas 10 malam ini)

MALAYSIA BERJANJI BANTU NAMIBIA

Mahathir.- Nujoma

I

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Malaysia telah berjanji akan menyumbang mengikut kemampuannya untuk membantu Namibia, yang mencapai kemerdekaan dua tahun lalu, dalam usaha-usaha pembangunannya.

Jaminan itu diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang malam ini meraikan Presiden Namibia, Dr Sam Nujoma, pada jamuan malam di kediaman rasminya, Seri Perdana, di sini.

Walaupun ia baru mencapai kemerdekaan, Dr Mahathir yakin Namibia akan menjadi sebuah negara yang maju dan makmur.

Beliau berkata: +Namibia ialah sebuah negara yang kaya dengan sumber-sumber asli dan justeru itu mempunyai ciri-ciri yang diperlukan untuk berjaya di bidang ekonomi. Adalah mencukupi untuk setiap orang berkongsi secara adil.

+Kita tidak ragu-ragu bahawa melalui dasar-dasar yang cermat yang digubal oleh kerajaan Namibia, ia akan berjaya mengatasi kesulitan sekarang akibat kemarau yang teruk melanda negara itu,+ katanya. -- Lagi

▼14/09/21-14MST

CNS1617

R GB 14-09 00150 BA110

aab

Mahathir.- Nujoma 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Nujoma, yang mengetuai rombongan 12 orang termasuk empat anggota Kabinet, tiba dengan sebuah pesawat khas pada petang ini untuk memulakan lawatan rasmi empat hari ke Malaysia.

Dr Mahathir yakin perbincangan antara kedua-dua pihak semasa lawatan itu akan mengenalpasti bidang-bidang kerjasama yang boleh meningkatkan lagi perhubungan antara Malaysia dan Namibia.

+Walaupun, pada masa ini hubungan dagang antara kedua-dua negara adalah kecil, kekayaan sumber asli di Namibia dan kepakaran Malaysia di bidang pengeluaran perindustrian dan usaha kita untuk mencapai kehidupan yang lebih baik bagi rakyat kita, seharusnya membolehkan kita untuk saling melengkapi antara satu sama lain dalam pelbagai bidang,+ katanya.

Dr Mahathir berkata terdapat banyak persamaan dalam keadaan di antara Malaysia dan Namibia.

+Kita sama-sama adalah negara membangun yang berbilang kaum yang sedang berusaha mencapai pertumbuhan ekonomi dengan saksama,+ katanya. -- Lagi

▼14/09/21-17MST

CNS1619

R GB 14-09 00193 BA111

aab

Mahathir - Nujoma 3 Kuala Lumpur (Embargo)

Sebagai negara membangun, Perdana Menteri berkata Malaysia dan Namibia terdedah kepada perubahan yang berlaku di arena dunia, politik dan ekonomi.

Dr Mahathir berkata kegembiraan selepas berakhirnya Perang Dingin hanya sekejap sahaja berikutan perkembangan-perkembangan terbaru yang menimbulkan persoalan terhadap asas-asas yang dilandaskan oleh order dunia baru.

Sepatutnya, apa yang harus dipastikan ialah berlakunya keadilan dan rasa hormat terhadap prinsip-prinsip perhubungan antarabangsa, katanya, sambil menambah kata bahawa beberapa negara telah menggunakan tindakan sewenang-wenangnya dan secara bersendirian untuk mengenakan nilai-nilai dan paksaan ke atas negara lain.

Dalam bidang ekonomi, pelbagai bentuk sekatan bukan tarif yang telah diwujudkan mengikut cara perdagangan bebas dan pengenalan elemen-elemen baru seperti harta intelektual, kandungan tempatan dan cukai yang diskriminasi telah menghalang perdagangan dunia dengan serius.

+Perkembangan seumpama itu agak membimbangkan. Dividen keamanan dan keselamatan daripada berakhirnya perang dingin tetap tinggal satu harapan.

+Negara-negara lemah semakin hari mendapati diri mereka dalam keadaan yang merumitkan kerana terpaksa menyerah diri kepada versi order dunia baru ini dan sistem ekonomi dan perdagangan seperti yang dianjurkan dan diamalkan oleh pemimpin-pemimpin tertentu di Barat,+ katanya. -- Lagi

▼14/09/21-20MST

CNS1620

R GB 14-09 00198 BA112

aab

Mahathir - Nujoma 4 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata anggota-anggota Pergerakan Berkecuali (NAM) perlu memastikan NAM menjadi sebuah pertubuhan yang bersatu supaya ia dapat menyumbang kepada order baru dunia yang adil.

+NAM mesti berusaha membentuk satu pernyataan dan komitmen dunia yang baru untuk mengukuhkan kerjasama ekonomi antarabangsa,+ katanya.

Dr Mahathir juga menyuarakan kebimbangannya mengenai masalah di Afrika Selatan, jiran Namibia, dengan berkata rasa optimis pada awalnya berikutan pembaharuan-pembaharuan di bawah Konvensyen bagi sebuah Afrika Selatan yang Demokratik (CODESA) kini telah hilang dan bertukar kepada perhatian serius mengenai prospek peralihan secara aman kepada pemerintahan majoriti.

Beliau berkata: +Kami menggesa rejim Pretoria supaya mengambil tindakan segera untuk menghidupkan proses perundingan di bawah CODESA dan berusaha dalam tempoh yang ditetapkan ke arah mewujudkan sebuah kerajaan sementara dan seterusnya sebuah Afrika Selatan yang demokratik, bersatu dan tidak berbau perkauman.

+Kita juga mesti menggesa orang Afrika kulit hitam supaya mengingati bahawa mereka semua telah menderita bersama-sama dan mereka tidak harus membiarkan diri mereka menjadi alat kepada pemerintahan kulit putih.

+Mereka yang berbuat demikian hendaklah dianggap sebagai pembelot kepada perjuangan dan demokrasi,+ kata Dr Mahathir. -- Bernama

▼14/09/21-22MST

▼14/09/23-25MST

aab

Perhatian Editor: Ulang hantar dengan tambahan perkataan pada perenggan pertama

- MALAYSIA BERJANJI BANTU NAMIBIA

Mahathir - Nujoma

I

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Malaysia telah berjanji akan terus menyumbang mengikut kemampuannya untuk membantu Namibia yang mencapai kemerdekaan dua tahun lalu, dalam usaha-usaha pembangunannya.

Jaminan itu diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang malam ini meraikan Presiden Namibia, Dr Sam Nujoma, pada jamuan malam di kediaman rasminya, Seri Perdana, di sini.

Walaupun ia baru mencapai kemerdekaan, Dr Mahathir yakin Namibia akan menjadi sebuah negara yang maju dan makmur.

Beliau berkata: +Namibia ialah sebuah negara yang kaya dengan sumber-sumber asli dan justeru itu mempunyai ciri-ciri yang diperlukan untuk berjaya di bidang ekonomi. Adalah mencukupi untuk setiap orang berkongsi secara adil.

+Kita tidak ragu-ragu bahawa melalui dasar-dasar yang cermat yang digubal oleh kerajaan Namibia, ia akan berjaya mengatasi kesulitan sekarang akibat kemarau yang teruk melanda negara itu,+ katanya. -- Lagi

▼14/09/23-20MST

bah

Mahathir - Nujoma 5 (Akhir) Kuala Lumpur (Sambungan Berita Awal)

Dalam ucapan balasnya, Nujoma berkata Namibia berminat untuk mempelajari dari Malaysia khususnya dalam bidang perancangan bandar, perumahan dan pembangunan luar bandar.

Katanya, Namibia tertarik dengan kemajuan Malaysia dan berminat untuk menjadikan program-program pembangunan Malaysia sebagai modelnya.

+Sekarang Namibia telah merdeka, kita akan melaksanakan usaha giat untuk membangunkan Namibia,+ katanya.

Beliau mencadangkan supaya Malaysia dan Namibia mengadakan perjanjian bagi menggalakkan perdagangan dua hala dan meningkatkan pelaburan.

Nujoma juga mencadangkan pembentukan program yang bersesuaian untuk membolehkan rakyat Namibia mengikuti latihan dan pendidikan vokasional di sini.

Untuk terus meningkatkan hubungan rakyat Namibia dan Malaysia, beliau mencadangkan supaya diadakan rundingan untuk menghentikan keperluan penggunaan visa untuk kedua-dua negara.

Presiden Namibia itu turut mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia, dengan menyatakan +penghargaan tinggi+ terhadap peranan Malaysia untuk kemerdekaan Namibia.

Namibia mengharapkan kerjasama lebih rapat dengan Malaysia di bawah kerjasama Selatan-Selatan, katanya. -- Bernama

▼14/09/23-55MST